

Newspaper	Berita Harian
Date	5 July 2015

# Muhyiddin setuju PM ambil tindakan bersih nama

BH-5/7/2015

» *TPM syor jawab tuduhan WSJ, kembali kredibiliti kerajaan*

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak wajar mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat tuduhan terhadap beliau seperti yang didedahkan dalam laporan *Wall Street Journal* (WSJ).

Langkah itu, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, perlu demi membersihkan nama Perdana Menteri dan mengembalikan kredibiliti kerajaan.

Katanya, oleh kerana tuduhan ini bersifat peribadi, maka wajar bagi Najib memberi penjelasan yang meyakinkan atau membuat penafian.

"Saya menyambut baik ke-

nyataan Najib menafikan tuduhan yang dilemparkan terhadap beliau.

"Jika beliau yakin semua tuduhan itu adalah tidak benar dan fitnah semata-mata, maka adalah wajar beliau mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang membuat tuduhan," katanya dalam kenyataan yang disiarkan dalam laman sosial Facebook miliknya, semalam.

## **Nafi dakwaan**

Kelmarin, Najib menafikan dakwaan menyatakan beliau menggunakan dana kerajaan untuk kepentingan peribadi dan menganggap perkara itu satu pembohongan Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menjatuhkan kerajaan.

Justeru, Perdana Menteri memberi amaran pihak yang terus menggunakan taktik sedemikian bakal berdepan tindakan undang-undang.

Muhyiddin berkata, pihak berkuasa penyiasatan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Jabatan Peguam Ne-

gara perlu bertindak segera menyasat segala tuduhan yang dibuat terhadap Najib.

"Saya yakin siasatan mengenai perkara ini akan dijalankan secara terperinci, telus dan bebas demi mencari kebenaran.

"Saya berasa amat bimbang dengan pendedahan terkini WSJ mengenai beberapa

“

***Jika beliau yakin semua tuduhan itu adalah tidak benar dan fitnah semata-mata, maka adalah wajar beliau mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang membuat tuduhan***

**Muhyiddin Yassin,**  
Timbalan Perdana Menteri

akaun peribadi milik Najib yang didakwa menerima sejumlah wang daripada beberapa entiti yang dikatakan mempunyai hubungan dengan syarikat iMalaysia Development Bhd (1MDB).

## **Tuduhan berat**

"Tuduhan ini amatlah berat kerana ia boleh menjejaskan kredibiliti dan integriti Najib sebagai Perdana Menteri dan ketua kerajaan.

"Isu ini juga telah menjadi perhatian rakyat serta media antarabangsa dan pastinya menyentuh kepentingan awam," katanya.

Beliau turut menyeru semua pihak supaya bertenang sementara siasatan dijalankan.

"Saya pasti kebenaran akan muncul hasil siasatan pihak berkuasa.

"Saya berdoa mudah-mudahan di bulan Ramadan ini, Allah akan memberikan kita segala hidayah untuk menyelesaikan segala kemelut yang berlaku dan mengurniakan kesejahteraan berkekalan kepada rakyat dan negara," katanya.